KESALAHAN EJAAN

Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan**. *Kenal pasti kesalahan tersebut dan* **tulis** *ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

1. Kemudahan pengangkutan awam di negara ini sedang dinaiktaraf oleh pihak yang berkenaan.

   _____

2. Setiap calon Sijil Pelajaran Malaysia mestilah lulus dalam matapelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah untuk memperoleh sijil SPM.

   _____

3. Puan Mariah meminta kontraktor muda itu membina rumah baharunya mengikut plan yang telah ditetapkan.

   _____

4. Industri pefileman yang semakin pesat dan canggih telah mempengaruhi perkembangan sahsiah anak-anak.

   _____

5. Kebanyakkan pelanggan sangat berpuas hati akan kelazatan masakan di Restoran Selera Timur.

   _____

6. Datuk saya yang mengidap penyakit kencing manis dan darah tinggi perlu berjumpa dengan doktor dari semasa ke semasa.

   _____

7. Menurut pihak Jabatan Pendidikan, surat pekeliling itu akan di edarkan ke semua sekolah di seluruh negeri pada minggu hadapan.

   _____

8. Pihak Kementerian Pendidikan berhasrat untuk membanyakkan pembinaan makmal komputer di sekolah-sekolah, kursusnya di luar bandar

   _____

LIVEWORKSHEETS

9. Encik Fendi terpaksa menjalani pembedahan setelah doktor mengsahkan bahawa penyakit yang dihidapinya semakin kronik.

_____

10. Perjanjian kerja sama ekonomi antara dua buah negara yang berjiran itu akan dimeterai pada minggu hadapan.

_____

11. Anak jutawan yang dicolek itu telah dipertemukan oleh polis dengan keluarganya pada petang semalam.

_____

12. Selain pengaroh rakan sebaya, kurangnya didikan agama juga merupakan punca berlakunya keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja pada masa ini.

_____

13. Pembangunan rangkaian lebuhraya di seluruh negara membuktikan bahawa Malaysia telah semakin maju ke arah mewujudkan keselesaan kepada rakyat.

_____

14. Penunggang motorsikal yang lalai dikenal pasti sebagai antara punca terjadinya kemalangan maut.

_____

15. Beberapa spesis binatang liar yang mendiami hutan belantara negara ini kini kian pupus akibat pembangunan.

_____

LIVEWORKSHEETS

LIVEWORKSHEETS